



Semua Pegawai Daerah,
Semua Ketua Kampung,
Semua Pengerusi MPKK,
Semua Ketua Komuniti India,
Negeri Selangor Darul Ehsan.

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 5 TAHUN 2022**

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN KETUA
KAMPUNG, PENERUSI MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI
KAMPUNG (MPKK) DAN KETUA KOMUNITI INDIA (KKI)
NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Perbendaharaan (PP) ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Daerah, Ketua Kampung, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta Ketua Komuniti India (KKI) Negeri Selangor mengenai penambahbaikan Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI bagi memastikan pengurusannya selari dengan prinsip keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Institusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) telah dijenamakan kepada Majlis Mesyuarat Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) oleh Mesyuarat Jemaah Menteri dan telah diselaraskan semula di peringkat Negeri Selangor berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 29/2018 bertarikh 19 September 2018 yang disahkan oleh MMKN ke-30/2018 bertarikh 28 September 2018.
- 2.2 Negeri Selangor mempunyai seramai 373 orang Ketua Kampung Tradisi, 42 orang Pengerusi MPKK Kampung Baru, 19 orang Pengerusi MPKK Kampung Bagan, 16 orang Pengerusi MPKK Kampung dan 62 orang KKI.
- 2.3 MMKN ke-19/2018 turut bersetuju bahawa setiap Ketua Kampung dan Pengerusi MPKK diberi kenaikan peruntukan program daripada RM10,000.00 setahun kepada RM20,000.00 setahun bagi melaksanakan aktiviti atau program di kampung masing-masing manakala peruntukan program bagi KKI kekal selaras dengan keputusan MMKN ke-23/2012 bertarikh 20 Jun 2012.

3. AKAUN BANK DAN PENGURUSAN PERUNTUKAN

- 3.1 Akaun bank adalah di atas nama Pegawai Pengawal (Pegawai Daerah) di bank-bank tempatan berhampiran.

- 3.2 Akaun ini hendaklah diuruskan oleh Pegawai Pengawal (Pegawai Daerah) yang berkaitan.

4.0 SUMBER KEWANGAN

- 4.1 Akaun ini hendaklah dikreditkan daripada Pemberian Langsung (*Outright/ Direct Grant*) yang disalurkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) melalui peruntukan Pembangunan.

5.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 5.1 **Pegawai Pengawal** adalah Pegawai Daerah yang dilantik sebagai Ketua Jabatan di Pejabat Daerah dan Tanah yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran daerah dan pengurusan kewangan serta tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- 5.2 Pegawai Pengawal boleh mengarahkan secara bertulis kepada pegawai di bawah kawalan pentadbirannya untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab bagi pihaknya.
- 5.3 Pengurusan Buku Tunai hendaklah disediakan secara berasingan bagi setiap Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI untuk memastikan pendapatan, perbelanjaan dan baki akaun dikemas kini setiap masa.
- 5.4 Semua pengeluaran wang daripada Akaun ini hendaklah dibuat berdasarkan kepada dokumen sokongan yang asal seperti resit, borang tuntutan dan sebagainya yang dikemukakan oleh Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan

KKI. Pegawai Pengawal atau Pegawai Perakaunan yang diarahkan hendaklah memastikan akaun ini berbaki kredit dan pengeluaran peruntukan adalah bagi perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

- 5.5 Pegawai Pengawal perlu memastikan semua tuntutan bayaran yang dikemukakan dijelaskan dalam **tempoh 14 hari bekerja** dan memastikan setiap laporan bulanan peruntukan Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI di selenggara dan dikemas kini.
- 5.6 Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan laporan perbelanjaan bulanan peruntukan Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI **pada atau selewat-lewatnya 10 hari bulan di bulan berikutnya kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan).**
- 5.7 Pegawai Pengawal perlu memastikan penggunaan peruntukan ini adalah berdasarkan kategori yang ditetapkan dan dipantau secara telus bagi mengelakkan berlakunya pembaziran dan salah guna peruntukan.
- 5.8 Pengawasan dan pengurusan peruntukan hendaklah sentiasa tertakluk kepada terma-terma pekeliling ini, Arahan Perbendaharaan, peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri dari semasa ke semasa.
- 5.9 Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan Borang A seperti di **LAMPIRAN 1** dan sekiranya perbelanjaan yang

melibatkan perolehan barang dan peralatan menggunakan Borang B seperti di **LAMPIRAN 2** hendaklah disertakan.

5.10 Susulan laporan khidmat nasihat amalan, sistem dan tatacara berhubung pengurusan peruntukan serta pelantikan ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Selangor, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meminta agar satu klausa mengenai tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta SPRM dimasukkan di dalam dokumen-dokumen berkaitan iaitu Lampiran 1, 2 dan 3.

5.11 Justeru itu, Pegawai Pengawal hendaklah **menjalankan pemantauan atau pemeriksaan secara berkala** terhadap mana-mana peringkat pelaksanaan aktiviti-aktiviti kampung, program mesra rakyat atau sambutan perayaan keagamaan supaya aktiviti berkenaan adalah dijalankan sepertimana tuntutan yang telah dikemukakan selaras dengan saranan SPRM berkaitan amalan, sistem dan tatacara berhubung pengurusan peruntukan serta pelantikan ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Negeri Selangor.

6.0 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

6.1 Penggunaan peruntukan ini adalah dikhaskan bagi menampung perbelanjaan pengurusan yang melibatkan penganjuran aktiviti-aktiviti kampung dan program mesra rakyat.

6.2 Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI adalah dibenarkan untuk membuat perolehan termasuk pembelian

barang-barang dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan di Para 6.1 di atas. Setiap **perolehan** perlu dibuat berdasarkan PK2 - Kaedah Perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

- 6.3 Jumlah perbelanjaan adalah **tidak melebihi RM5,000.00 bagi setiap program** dan peruntukan ini tidak boleh sama sekali digunakan untuk menjalankan projek-projek kecil pembangunan
- 6.4 Penggunaan peruntukan ini adalah dikhaskan untuk menampung perbelanjaan pengurusan yang melibatkan penganjuran aktiviti-aktiviti kampung, program-program mesra rakyat dan sambutan perayaan keagamaan.

7.0 WANG PENDAHULUAN

- 7.1 Setiap Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI akan diperuntukkan sejumlah **RM1,000.00 pada setiap masa** bagi wang pendahuluan daripada peruntukan Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI.
- 7.2 Peruntukan pendahuluan kepada Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI hendaklah sentiasa berbaki kredit pada setiap masa dan akan ditolak daripada peruntukan Ketua Kampung, MPKK dan KKI.
- 7.3 Rekupmen bagi wang pendahuluan ini hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dengan menggunakan **Borang 'A'** dan dikemukakan bersama

dokumen sokongan berkaitan yang telah disahkan oleh Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI.

- 7.4 Pegawai Pengawal hendaklah memantau rekupmen wang pendahuluan tersebut dan perbelanjaan bulanan yang telah dibuat. Wang pendahuluan ini perlulah dikreditkan semula ke akaun Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI sekiranya ia tidak habis digunakan setelah perkhidmatan Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI ditamatkan.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Arahan ini berkuat kuasa bermula **Januari 2023** dan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2011, Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2012** dan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2019** adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN) S.M.S, P.C.M, A.M.P
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan.

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)

**KELULUSAN PENGELUARAN PERUNTUKAN KETUA KAMPUNG, Pengerusi
MPKK DAN KKI NEGERI SELANGOR
KAMPUNG**

Pegawai Daerah

Tuan,

PENGELUARAN PERUNTUKAN * KETUA KAMPUNG/ Pengerusi MPKK/ KKI

Saya dengan ini memberi kelulusan bagi pengeluaran peruntukan * Ketua Kampung/ Pengerusi MPKK/ KKI untuk melaksanakan program dan aktiviti mesra rakyat.

2. Butiran lengkap bagi pengeluaran peruntukan bagi tujuan di atas adalah seperti berikut:-

	Tujuan	Pendahuluan/Lain-lain
i.	Nama Program & Tarikh Pelaksanaan Program	
ii.	Jumlah Peruntukan Diluluskan	
iii.	Butir-butir Pemohon:	
	a. Nama Organisasi/Pertubuhan	
	b. Alamat	
	c. Nama Pemohon	
	d. No. Kad Pengenalan	
	e. Jawatan	
	f. No. Telefon	
iv.	Cadangan Pembekal/Kontraktor (Jika Berkenaan)	
	a. Alamat	
	b. No. Telefon	

Catatan :

**Sila sertakan lampiran jika permohonan lebih daripada satu (1) program.*

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan dipohon untuk memproses permohonan di atas dan menyerahkan cek peruntukan tersebut kepada penama seperti berikut:-

i.	Nama	
ii.	No. Kad Pengenalan	
iii.	Alamat	
iv.	No. Akaun Bank	
v.	No. Telefon	

4. Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(Tandatangan * Ketua Kampung/ Pengerusi MPKK/ KKI)
Tarikh :

Nota:

- i. Peringatan mengenai kesalahan mengemukakan **tuntutan palsu** di bawah **Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009**. Menuntut apa-apa bayaran balik ke atas perbelanjaan sebenarnya tidak pernah dilakukan atau menuntut apa-apa tuntutan yang tidak layak boleh ditafsirkan sebagai tuntutan palsu.
- ii. Selaras dengan akta tersebut, mana-mana orang yang melakukan kesalahan apabila disabitkan boleh:
 - dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun;
 - didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

**PENGESAHAN PENERIMAAN BARANG-BARANG MENGGUNAKAN
PERUNTUKAN KETUA KAMPUNG, Pengerusi MPKK DAN KKI
KAMPUNG.....**

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Organisasi/Pertubuhan :

.....

.....

Saya mengaku bahawa :

Telah menyemak dan menerima pembekalan barang-barang yang disenaraikan seperti berikut:-

Bil.	Jenis barang	Kuantiti	Bil. Pesanan Tempatan/Resit	Catatan

Catatan : Sila sertakan lampiran sekiranya tidak mencukupi.

Yang benar,

.....
(Tandatangan Penerima)

Tarikh :

No. Telefon :

Nota:

- i. Pihak Ketua Kampung, Pengerusi MPKK dan KKI perlu memastikan penerima barang-barang mencatat nama dan no. kad pengenalan yang betul.
- ii. Sila sertakan gambar-gambar (**Jika berkaitan**).
- iii. Peringatan mengenai kesalahan mengemukakan **tuntutan palsu** di bawah **Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009**. Menuntut apa-apa bayaran balik ke atas perbelanjaan sebenarnya tidak pernah dilakukan atau menuntut apa-apa tuntutan yang tidak layak boleh ditafsirkan sebagai tuntutan palsu.
- iv. Selaras dengan akta tersebut, mana-mana orang yang melakukan kesalahan apabila disabitkan boleh:
 - dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun;
 - didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

**KELULUSAN PERUNTUKAN
KETUA KAMPUNG, Pengerusi MPKK DAN KKI
KAMPUNG**

Pegawai Daerah

Tuan,

**PENGESAHAN PENDAHULUAN PERUNTUKAN * KETUA KAMPUNG,
Pengerusi MPKK/ KKI**

Saya (Nama).....No.
Kad Pengenalan.....* Ketua Kampung / Pengerusi
MPKK / KKI dengan ini mengaku bahawa telah
mendahulukan wang tunai berjumlah RM dan mengesahkan
bahawa pendahuluan tersebut digunakan untuk perbelanjaan program dan aktiviti
mesra rakyat seperti berikut:-

Nama Program	
Kos (RM)	
Butir-butir Pemohon :	
a. Nama Organisasi/Pertubuhan	
b. Alamat	
c. Nama Pemohon	
d. No. Kad Pengenalan	
e. Jawatan	
f. No. Telefon	

Pembekal/Kontraktor (Jika Berkenaan)	
g. Alamat	
h. No. Telefon	
Dokumen Sokongan	

Catatan :

** Sila sertakan lampiran jika permohonan lebih dari satu (1) kategori/program.*

Saya bertanggungjawab sepenuhnya kepada pelaksanaan program dan aktiviti mesra rakyat dengan menggunakan peruntukan Ketua Kampung / Pengerusi MPKK / KKI seperti di atas dan mengesahkan wang pendahuluan yang telah dikeluarkan.

Dengan ini saya memohon agar rekupmen Tabung Wang Pendahuluan dibuat bagi tujuan tersebut di atas.

Sekian.

Yang benar,

.....
(Tandatangan Ketua Kampung / Pengerusi MPKK / KKI)

Tarikh:

** Sila potong mana yang tidak berkenaan*

Nota:

- iii. Peringatan mengenai kesalahan mengemukakan **tuntutan palsu** di bawah **Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009**. Menuntut apa-apa bayaran balik ke atas perbelanjaan sebenarnya tidak pernah dilakukan atau menuntut apa-apa tuntutan yang tidak layak boleh ditafsirkan sebagai tuntutan palsu.
- iv. Selaras dengan akta tersebut, mana-mana orang yang melakukan kesalahan apabila disabitkan boleh:
 - dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun;
 - didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.